

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**

**(PADANG SERAI)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pada masa kini banyak negara membangun menggunakan peralatan pertahanan yang lebih moden dan canggih. Pada situasi terkini, sejauh manakah terjaminnya peralatan pertahanan negara kita. Adakah negara kita bercadang untuk membeli peralatan pertahanan yang setanding dengan negara lain.

**JAWAPAN**

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menjamin dan memastikan keupayaan serta tahap kesiapsiagaan aset pertahanan negara berada ditahap yang terbaik. Ini termasuklah pembelian peralatan ketenteraan yang baru demi memastikan kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara dari sebarang ancaman. Semua cadangan pembelian atau menambah mana-mana aset strategik ATM bagi mengukuhkan sistem pertahanan negara akan dilaksanakan mengikut keutamaan dengan berpandukan kepada Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces* (4D MAF).

Pelan ini merupakan *roadmap* pembangunan keupayaan jangka panjang ATM yang turut mengintegrasikan elemen *man, machine and method* di mana, pembangunan keupayaan ATM bukan sahaja dipertingkatkan secara berterusan dengan perolehan aset dan kelengkapan yang berteknologi tinggi, tetapi turut disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti.

Rancangan pembangunan dan pembelian senjata atau aset tambahan/baru untuk kegunaan ATM juga adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Disamping itu juga, Kementerian Pertahanan sedang menyediakan Kertas Putih Pertahanan bagi membentangkan keperluan pembangunan keupayaan ATM dalam tempoh 10 tahun akan datang agar ATM dapat mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah negara dengan lebih berkesan.